

09/10/2004

Kegigihan pemimpin punca ekonomi mantap

By Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Malaysia berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi mantap dan berterusan sejak kemerdekaan kerana dianugerahkan dengan pemimpin yang tepat pada setiap zaman.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata Tuhan sentiasa merahmati Malaysia selama ini dengan memberikannya mempunyai pemimpin yang tepat pada masanya.

Katanya, kegigihan pemimpin negara selama ini membolehkan Malaysia mempunyai prasarana yang perlu dan rakyat perlu mempunyai kualiti untuk memanfaatkan sepenuhnya kelebihan itu.

"Pemimpin kita mempunyai segala kualiti yang diperlukan untuk memacu kemajuan negara, meskipun mereka mempunyai taktik berbeza untuk maksud berkenaan. Kita beruntung kerana mereka mempunyai satu teras kualiti yang sama iaitu keikhlasan," katanya ketika melancarkan model tapak ibu pejabat TSH Resources Bhd (TSH Resources) di Kuala Lumpur, semalam.

Bangunan ibu pejabat baru bernilai RM30 juta di Jalan Semantan, Kuala Lumpur itu akan siap pada 2006. Hadir sama dalam majlis itu Pengerusi TSH Resources, Datuk Kelvin Tan.

Nor Mohamed berkata demikian dalam ucapan spontannya bagi mengulas pemilihan beliau dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Menteri Kewangan Terbaik Asia 2004 oleh Majalah Emerging Markets, baru-baru ini.

Terdahulu, Timbalan Pengerusi Eksekutif TSH Resources, Datuk Azizan Abdul Rahman, dalam ucapannya mengucapkan syabas kepada Nor Mohamed dan Abdullah atas anugerah itu.

Nor Mohamed menjelaskan, anugerah itu adalah pengiktirafan kepada pencapaian ekonomi Malaysia yang diurus dengan baik sehingga membolehkannya terus merekodkan pertumbuhan mapan dalam inflasi kekal rendah.

"Antara faktor yang membolehkan keadaan ini dicapai, seperti yang diterjemahkan menerusi anugerah ini, ialah kerana kebolehan pemimpin kita," katanya.

Majalah antarabangsa Emerging Market memberikan anugerah itu sebagai pengiktirafan kepada kejayaan Abdullah dan Nor Mohamed merubah ekonomi Malaysia dan memacunya sehingga menjadi antara yang paling pesat berkembang di Asia.

Mengulas lanjut, Nor Mohamed berkata, sebaik mencapai kemerdekaan, Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman, mampu untuk menyatukan semua kaum, manakala penggantinya, Tun Abdul Razak Hussein, bekerja keras untuk menyelesaikan masalah kemiskinan serta membawa kemajuan ke luar bandar.

Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn, meneruskan dasar pengukuhan dan penyepaduan nasional dan selepas itu Tun Dr Mahathir Mohamad meletakkan negara di landasan mencapai status negara maju menerusi Wawasan 2020.

Di bawah kepemimpinan Dr Mahathir, Malaysia mencatat kejayaan ekonomi yang menakjubkan termasuk mengurangkan tahap kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup serta bilangan profesional Bumiputera.

"Di bawah pimpinan Dr Mahathir, kita menjadi negara maju dengan paras kemiskinan diturunkan daripada 50 peratus pada suatu ketika kepada kurang lima peratus sekarang, serta bilangan profesional Bumiputera meningkat.

"Ketika Dr Mahathir baru menjadi Perdana Menteri, kita hanya ada 341 doktor Bumiputera, itupun termasuk beliau sendiri, tetapi kini bilangannya meningkat ketara dan mencecah angka ribuan," katanya.

Nor Mohamed berkata, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula adalah pemimpin yang tepat kerana menekankan aspek mutu hidup, etika dan nilai yang sangat penting bagi mencapai sasaran Wawasan 2020.

(END)